

Persepsi Pelajar Terhadap Pelaksanaan Aktiviti Pengajaran Mata Pelajaran Opsyen Di Maktab Perguruan

oleh

**Lokman A. Wahid, Osman Hj. Mohd. Ali, Azimah Saidon,
Latifah Mohd. Yusof, Wan Norlidza Wan Mohd Zain**
Institut Bahasa Melayu Malaysia, Kuala Lumpur

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk melihat persepsi pelajar terhadap pengajaran pensyarah di bilik kuliah. Seramai 272 orang responden daripada populasi seramai 500 pelajar telah dipilih. Melalui soal selidik yang diberikan, responden telah diminta memberikan persepsi mereka terhadap 8 aspek pelaksanaan aktiviti pengajaran mata opsyen oelh pensyarah di bilik kuliah yang merangkumi strategi pengajaran dan pembelajaran (P & P), penggunaan bahan bantu mengajar, pelaksanaan KBKK dalam p&p, penerapan nilai murni dalam p&p, pelaksanaan penyooalan dalam p&p, bimbingan dan sikap pensyarah. Secara keseluruhannya, tidak ada perbezaan yang signifikan di kalangan responden terhadap pengajaran pensyarah. Ujian berstatistik khi-kuasa dua menunjukkan nilai $p \leq 0.05$. Namun begitu, ujian berstatistik Mann-Whitney dan Kruskal Wallis bagi pemboleh ubah bebas iaitu semester pelajar, jantina pelajar, lokasi sekolah, opsyen pelajar, kelayakan masuk maktab dan subjek diminati mengikut keutamaan menunjukkan jawapan yang berbeza. Kajian ini menerima H_0 bagi Hipotesis 1 dan 4 dan menerima H_a bagi Hipotesis 2,3, 5 dan 6.

PENDAHULUAN

Dunia pendidikan berkembang pesat dalam gelombang perubahan yang merangkumi aspek falsafah, perubahan sistem, perubahan kurikulum, perubahan misi dan visi serta juga perubahan aspek pedagogi agar selaras dengan kehendak semasa (Rusli Mahmood, 2002: 54). Untuk meghadapi cabaran ini, institusi perguruan seharusnya dapat melahirkan guru-guru yang cemerlang dan bertaraf dunia. Berdasarkan strata yang sebegitulah, Bahagian Pendidikan Guru (BPG), telah melaksanakan latihan perguruan secara lebih terancang selaras dengan keperluan tenaga pengajar berdasarkan mata pelajaran di sekolah.

Dalam usaha untuk melahirkan guru-guru yang berkualiti, terdapat beberapa masalah yang timbul antaranya masalah pencapaian guru pelatih dalam bidang akademik. Corak pencapaian dalam akademik yang sebegini ada kaitannya dengan minat mereka terhadap kursus perguruan yang mereka sedang ikuti

(sesetengah daripada mereka mengikuti kursus perguruan kerana tiada pilihan lain), disiplin dan teknik mereka belajar, hal-hal peribadi, pengaruh rakan sebaya dan persekitaran, tanggapan mereka terhadap aras kursus perguruan peringkat diploma dengan kursus taraf diploma yang lain dan juga cara amalan pengendalian kuliah oleh pensyarah di bilik kuliah.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Pensyarah telah menggunakan pelbagai pendekatan pengkuliahan antaranya seperti pendekatan Pembelajaran Berdasarkan Kecerdasan Otak (Wilson dan Spears, 2003: 1) dan juga pendekatan Konteks Sosial (Rutledge, 2000: 4). Namun begitu, saban tahun, pencapaian akademik guru pelatih masih berada pada paras yang kurang memuaskan. Rata-rata, skor min mereka dalam peperiksaan bertulis berada pada paras 55. Prestasi mereka boleh dikatakan tidak memberangsangkan dalam semua mata pelajaran. Keadaan ini dikhuatiri akan menjejaskan profesion perguruan dalam jangka masa yang panjang kerana ini sedikit sebanyak memberikan gambaran tentang sebanyak mana ilmu mata pelajaran opsyen yang telah dikuasai oleh para pelajar.

Pernyataan Masalah

Keputusan peperiksaan mata pelajaran major semester 1 dan semester 3 peperiksaan Mei 2002 Kursus Diploma Perguruan Malaysia menunjukkan hanya sebilangan kecil sahaja pelajar yang memperoleh keputusan yang cemerlang pada hal pelajar yang mengikuti kursus ini adalah pelajar yang mempunyai kelayakan akademik yang baik dan dipilih melalui ujian UKELP serta temu duga.

Pensyarah yang mengajar di maktab dan juga institusi perguruan mempunyai kelulusan dan kelayakan yang tinggi. Mereka pernah bertugas sebagai guru di sekolah dan terlibat secara langsung dalam proses pendidikan di peringkat akar umbi. Sebelum menjadi pensyarah, mereka terpaksa melalui proses temu duga yang ketat. Walaupun pelajar yang dipilih untuk mengikuti kursus Diploma Perguruan Malaysia ini adalah melalui pemilihan yang amat baik dan pensyarah yang mengajar mempunyai pengetahuan akademik yang tinggi dan berkelayakan, tetapi prestasi pelajar di institusi perguruan ini masih lemah dan kurang memuaskan. Hasil daripada pengamatan yang sebegini, maka kajian ini dilakukan untuk menghurai keadaan dan mencari jalan penyelesaian agar guru yang dilahirkan oleh institusi perguruan di Malaysia ini akan dapat terus bersaing dalam arus perdana pendidikan negara.

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti persepsi pelajar ambilan Januari 2001 dan ambilan Januari 2002 daripada opsyen major terhadap pelaksanaan aktiviti pengajaran pensyarah di bilik kuliah.

Kajian ini juga bertujuan untuk melihat sejauh manakah aspek-aspek pengajaran seperti strategi pengajaran pensyarah, penggunaan bahan bantu mengajar, penggunaan ICT dalam pengajaran, pelaksanaan kemahiran berfikir dalam

pengajaran, penerapan nilai-nilai murni, pelaksanaan penyoalan, bimbingan dan sikap pensyarah dalam pengajaran diamalkan di bilik kuliah.

Hipotesis Kajian.

Menurut Sekaran (1992:78), hipotesis merupakan hubungan logik antara dua atau lebih pemboleh ubah yang dinyatakan dalam pernyataan yang boleh diukur. Hipotesis nol biasanya diterima pada nilai $\alpha = 0.05$ atau 0.01 . (Othman Ismail dan Muhammed Hafiz Hj Khozali, 1992: DBP). Bagi kajian ini, nilai α ditetapkan pada aras 0.05 untuk menerima hipotesis nol.

Hipotesis nol (H_0) kajian ini adalah seperti berikut:

Hipotesis 1

Tidak ada perbezaan persepsi yang signifikan antara pelajar yang berlainan semester terhadap pengajaran pensyarah di bilik kuliah.

Hipotesis 2

Tidak ada perbezaan persepsi yang signifikan antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan terhadap pengajaran pensyarah di bilik kuliah.

Hipotesis 3

Pelajar yang pernah bersekolah di bandar atau luar bandar tidak mempunyai persepsi yang signifikan terhadap pengajaran pensyarah di bilik kuliah.

Hipotesis 4

Pelajar yang berlainan pengkhususan pengajian mereka tidak mempunyai persepsi yang signifikan terhadap pengajaran pensyarah di bilik kuliah.

Hipotesis 5.

Tidak kira sama ada mempunyai kelulusan SPM atau STPM ketika mula mengikuti kursus perguruan, pelajar tidak mempunyai perbezaan persepsi yang signifikan terhadap pengajaran pensyarah di bilik kuliah.

Hipotesis 6.

Sama ada pelajar meminati mata pelajaran opsyen atau sebaliknya, tidak ada perbezaan persepsi yang signifikan terhadap penyampaian kuliah oleh pensyarah.

Kesignifikanan Kajian

Kajian tentang persepsi pelajar terhadap pelaksanaan aktiviti pengajaran mempunyai kesignifikanannya yang tersendiri. Justeru itu, kajian ini diharapkan dapat Membantu pihak Bahagian Pendidikan Guru, khususnya Unit Kurikulum untuk melihat kekuatan dan kelemahan apa yang telah dilaksanakan di maktab perguruan dalam mengimplementasikan segala yang dirancang dalam sukatan pelajaran.

TINJAUAN LITERATUR

Pengajaran yang berkesan seharusnya dapat dihubungkan dengan faktor-faktor luaran dan dalaman, faedah yang diperolehi oleh pelajar serta cara pembelajaran yang berkesan untuk memandu mereka ke arah proses pembelajaran yang terarah (Kelly, 2002). Teori pembelajaran Konstruktivisme berasaskan

premis yang menekankan pembelajaran terbina melalui pengalaman dan pemahaman terhadap dunia yang dihuni. Mazhab tingkah laku melihat pembelajaran itu sebagai hasil daripada tingkah laku yang terhasil. Teori pembelajaran Piaget (1896-1980) berasaskan kepada pembinaan struktur kognitif yang berlaku semasa pembelajaran. Dalam erti kata yang lain, Piaget menekankan “peta minda”, skema atau konsep jaringan untuk memahami dan bertindak balas kepada pengalaman fizikal yang ada di persekitaran. Mengikut teori ini pembelajaran berasaskan otak, pembelajaran berlaku berasaskan struktur dan fungsi otak yang mengambil kira beberapa perkara termasuklah pembelajaran yang melibatkan keseluruhan fisiologi, kebermaknaan terbentuk melalui proses pencorakan dan pembelajaran dapat dipertingkatkan dengan adanya cabaran dan ancaman.

Howard Gardner memperkenalkan teori Kecerdasan Pelbagai. Menurut Gardner, setiap manusia mempunyai 7 jenis kecerdasan yang boleh digunakan dalam kehidupan sehari-hari. Vygotsky memperkenalkan teori pembelajaran sosial. Menurut Vygotsky, pembelajaran ditentukan oleh keadaan sosiobudaya sesuatu tempat (Funderstanding: 2001). Felder (1999) telah membuat kajian tentang Stail Pembelajaran dan Stail Pengajaran. Daripada kajian yang dilakukan, Felder menyatakan bahawa seseorang itu akan dapat belajar dengan lebih berkesan apabila maklumat yang disampaikan bersesuaian dengan keadaan dan minat seseorang itu. Craig (1994) telah membuat kajian meninjau persepsi pelajar gred 7 dan gred 8 di Newfoundland tentang sekolah tempat mereka belajar. Seymour dan Gutwill (2000) telah melaksanakan satu kajian yang bertajuk *Student Perception of Learning Gains* di Universiti Berkeley. Kajian mereka bertumpu kepada persepsi pelajar terhadap nilai tambah yang mereka perolehi semasa mengikuti kuliah dan mengaitkan pengalaman pembelajaran di bilik kuliah dengan aspek pedagogi. Kelly (2000) seorang Profesor Emiritus di College of Architecture and Environmental, Arizona State University telah membuat tinjauan tentang persepsi pelajar terhadap guru mereka yang telah menyentuh tentang ekspektasi pelajar yang terlalu tinggi terhadap guru mereka. Nunley (2002) telah menulis tentang pemindahan kuasa daripada guru kepada pelajar di bilik darjah melalui artikelnya yang berjudul *Gaining Control of Your Classroom*. Booth, Abdulla et.all (1998) telah melakukan kajian tentang persepsi guru pelatih terhadap pengajaran dan pembelajaran. Kajian mereka yang bertajuk *Student Teachers' Perceptions of Teaching and Learning Conditions in Fiji and Maldives* dan hasil dapatan kajian telah dapat membantu persepsi guru pelatih terhadap suasana dan konteks pembelajaran yang berbeza di Fiji dan Maldives. *Office of Institutional Effectiveness & Analysis* Universiti Florida Atlantic (2002) pula telah menjalankan satu kajian meninjau persepsi pelajar terhadap pengajaran pensyarah di bilik kuliah.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dilakukan secara tinjauan dengan menggunakan soal selidik. Populasi kajian terdiri daripada pelajar KDPMambilan Januari 2001 dan pelajar KDPM

ambilan Januari 2002 yang berjumlah kira-kira 500 orang. Daripada populasi seramai 500 orang pelajar itu, hanya 270 sahaja yang dipilih sebagai responden. Butir-butir latar belakang responden dan jawapan yang mereka berikan daripada item-item yang disediakan, direkodkan dalam perisian berstatistik SPSS. Pengiraan statistik yang digunakan untuk menganalisis data ialah Mann-Whitney dan Kruskal Wallis. Kedua-dua ujian penentuan aras kesignifikan ini digunakan untuk menerima atau menolak Hipotesis Nol (H_0). Aras kesignifikan ditentukan oleh nilai $p \leq 0.05$ bagi kedua-dua ujian iaitu Kruskal Wallis dan Mann-Whitney. Sekiranya nilai $p \leq 0.05$, Hipotesis Nol akan diterima manakala jika $p > 0.05$, Hipotesis Nol akan ditolak.

DAPATAN KAJIAN

Untuk melihat secara keseluruhan pendapat sampel terhadap pengajaran pensyarah, ujian Khi-Kuasa Dua dilaksanakan. Keputusan daripada ujian berstatistik yang dilakukan adalah seperti dalam Jadual 1 (lihat lampiran)

Ujian berstatistik Khi Kuasa-Dua secara keseluruhan menunjukkan tidak terdapat perbezaan persepsi yang signifikan terhadap amalan pengajaran pensyarah di bilik kuliah. Nilai p bagi kelapan-lapan aspek pengajaran yang diamalkan oleh pensyarah di bilik kuliah adalah di bawah 0.05 ($p \leq 0.05$).

Hipotesis 1: Tidak ada perbezaan antara pelajar yang berlainan semester terhadap pengajaran di bilik kuliah.

Sampel telah diminta memberikan persepsi mereka tentang pengajaran mata pelajaran di bilik kuliah. Jawapan yang telah mereka berikan dapat dilihat melalui Jadual 2.

Keputusan ujian statistik Mann Whitney menunjukkan nilai p adalah di bawah 0.05 ($P \leq 0.05$). Bagi Strategi, nilai p adalah 0.00, bagi Penggunaan Bahan Bantu Mengajar, nilai p juga 0.00, bagi Penggunaan ICT nilai p juga 0.00, bagi KBKK nilai p juga 0.00, bagi penerapan nilai murni nilai p juga 0.00, bagi pelaksanaan penyoalan juga nilai p 0.00, bagi sikap juga 0.00 dan bagi bimbingan nilai p ialah 0.28. Walaupun 0.28, namun nilai p bagi Bimbingan Dalam Pengajaran masih signifikan. Hipotesis nol yang menyatakan bahawa tidak ada perbezaan persepsi yang ketara antara pelajar yang berlainan semester ambilan mereka bagi bahagian ini diterima.

Hipotesis 2: Tidak ada perbezaan persepsi antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan terhadap pengajaran pensyarah di bilik kuliah

Analisis statistik untuk melihat persepsi terhadap pengajaran pensyarah di bilik kuliah juga dilakukan berdasarkan jantina pelajar. Hasil ujian statistik Mann-Whitney adalah seperti yang tertera di dalam Jadual 3.

Daripada ujian statistik Mann-Whitney, keputusan menunjukkan bahawa terdapat perbezaan antara pelajar lelaki dan perempuan dalam persepsi mereka terhadap pengajaran pensyarah di bilik kuliah. Bagi strategi pengajaran, penggunaan bahan bantu mengajar, penggunaan ICT ketika memberi kuliah, penerapan nilai murni dalam pengajaran, dari segi penyolaan pensyarah terhadap pelajar dan juga dari segi bimbingan dalam pengajaran nilai p adalah melebihi 0.05 ($p > 0.05$). Nilai p yang melebihi 0.05 menyebabkan hipotesis nol ditolak dan hipotesis alternatif diterima. Dalam konteks ini, hipotesis kajian kedua yang menyatakan tidak ada perbezaan persepsi antara pelajar yang berlainan jantina terhadap pengajaran pensyarah tidak benar. Sebaliknya, keputusan Mann-Whitney menunjukkan bahawa terdapat perbezaan persepsi di kalangan pelajar yang berlainan jantina mereka terhadap pengajaran pensyarah di bilik kuliah.

Hipotesis 3: Pelajar yang pernah bersekolah di bandar atau luar bandar tidak mempunyai persepsi yang berbeza terhadap pengajaran pensyarah di bilik kuliah

Ujian berstatistik Mann-Whitney dilakukan berdasarkan lokasi sama ada bandar atau di luar bandar tempat sampel pernah bersekolah. Keputusan yang ditunjukkan melalui prosedur pengiraan komputer adalah seperti Jadual 4.

Daripada Jadual 4, keputusan ujian Mann-Whitney menunjukkan nilai p melebihi 0.05 ($p \geq 0.05$). Nilai p bagi strategi ialah 0.658, penggunaan bahan bantu mengajar nilai p nya 0.895, nilai p bagi penggunaan ICT ialah 0.066, nilai p bagi penerapan nilai murni ialah 0.449, bagi penyolaan pensyarah nilai p ialah 0.659, bagi bimbingan pensyarah di dalam bilik kuliah nilai p yang diperolehi ialah 0.699 dan bagi sikap nilai p yang ditunjukkan ialah 0.947. Secara keseluruhannya, hipotesis nol yang ketiga ditolak sebaliknya hipotesis alternatif diterima.

Hipotesis 4: Pelajar yang berlainan pengkhususan pengajian mereka tidak mempunyai persepsi yang berbeza terhadap pengajaran pensyarah di bilik kuliah

Persepsi pengajaran pensyarah juga dilihat dari sudut pengkhususan pengajian pelajar mengikut opsyen yang berbeza-beza. Untuk mendapatkan keputusan, ujian berstatistik Kruskal Wallis dilakukan. Hasil keputusan yang dilakukan secara pengiraan berkomputer adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.

Ujian berstatistik nonparametrik Kruskal Wallis menunjukkan bahawa nilai kesemua p bagi kesemua aspek pengajaran pensyarah di bawah 0.05 ($p \leq 0.05$). Nilai p bagi strategi pengajaran pensyarah 0.001, penggunaan bahan bantu mengajar 0.000, penggunaan ICT 0.000, pelaksanaan kemahiran berfikir dalam pengajaran 0.036, penerapan nilai-nilai murni dalam pengajaran 0.007, aspek penyolaan 0.000, aspek bimbingan pensyarah di dalam pengajaran 0.000 dan

sikap pensyarah dalam pengajaran 0.018. Hipotesis nol yang keempat ini diterima.

Hipotesis 5: Tidak kira sama ada mempunyai kelulusan SPM atau STPM ketika mula mengikuti kursus perguruan, pelajar tidak mempunyai perbezaan pendapat terhadap pengajaran pensyarah di bilik kuliah

Pelajar juga dikategorikan mengikut kelulusan yang mereka miliki sewaktu mula mengikuti kursus perguruan di peringkat diploma. Untuk mendapatkan keputusan persepsi mereka, ujian berstatistik Mann-Whitney dilakukan secara berkomputer. Keputusan yang diperolehi adalah seperti Jadual 6.

Ujian berstatistik Mann-Whitney menunjukkan bahawa nilai p bagi strategi, penggunaan bahan bantu mengajar, pelaksanaan kemahiran berfikir dalam pengajaran, penerapan nilai murni, aspek penyoalan, bimbingan dan sikap pensyarah ialah di atas 0.05 ($p > 0.05$). Dalam hal penggunaan ICT ketika mengajar, nilai p yang ditunjukkan ialah 0.027. Keputusan yang ditunjukkan melalui ujian berstatistik Mann-Whitney ini menyebabkan hipotesis nol ditolak.

Hipotesis 6: Sama ada pelajar meminati mata pelajaran opsyen atau sebaliknya, tidak ada perbezaan persepsi mereka terhadap penyampaian kuliah oleh pensyarah

Untuk melihat sama ada hipotesis nol yang keenam ini diterima atau sebaliknya, ujian berstatistik Mann-Whitney secara berkomputer dilaksanakan. Keputusan sama ada untuk menerima atau menolak hipotesis nol dilihat pada nilai p. Sekiranya nilai p di bawah atau bersamaan 0.05 ($p \leq 0.05$), maka hipotesis nol akan diterima. Jadual 7 menunjukkan keputusan yang diperolehi.

Keputusan yang ditunjukkan daripada Jadual 7 menunjukkan bahawa hipotesis nol yang keenam ini tidak boleh diterima. Kelapan-lapan aspek pengajaran pensyarah mempunyai nilai p lebih daripada 0.05 ($p > 0.05$).

PERBINCANGAN

Hasil dapatan kajian menunjukkan persepsi pelajar yang berbeza-beza terhadap pengajaran pensyarah. Kajian ini menerima H_0 bagi Hipotesis 1 dan 4 dan tidak menerima H_0 bagi Hipotesis 2, 3, 5 dan 6.

Bagi H_0 2, daripada 45 item yang diajukan kepada responden, item 15, 21, 22, 25, 31, 42, 43, dan 45 menunjukkan nilai $p \leq 0.05$. Bagi H_0 3 pula, item 17, 18 dan 21, $p \leq 0.05$. Bagi H_0 5, $p \leq 0.05$ hanya bagi item 9, 19 dan 21 manakala bagi H_0 6, $p \leq 0.05$ hanya bagi item 10.

CADANGAN

Pelajar mempunyai persepsi yang berbeza-beza terhadap pengajaran pensyarah di bilik darjah.

Pensyarah harus memperbaiki strategi pengajaran mereka di bilik kuliah dengan mengulangkaji pelajaran yang lalu, berbincang dengan pelajar di bilik kuliah untuk menyelesaikan masalah, mengajar pelajar yang lemah berasingan, membrikan pengajaran yang teratur, menyesuaikan pengajaran dengan keperluan individu, mempelbagaikan kaedah dalam pengajaran, menggunakan teknik perbincangan, dan mengenal pasti kelemahan pelajar di samping merancang aktiviti untuk menggalakkan pelajar yang tinggi pencapaian mereka.

Pensyarah harus memperbaiki penggunaan bahan dalam pengajaran seperti menggunakan pelbagai alat bantu mengajar, menyediakan edaran semasa memberikan kuliah, menggunakan bahan-bahan yang dapat membantu kefahaman pelajar, memberi bahan rujukan kepada pelajar dan menggunakan pelbagai media elektronik untuk menyampaikan maklumat.

Dari segi penggunaan ICT, pensyarah perlu menggunakan ICT dalam pengajaran mereka, pensyarah perlu juga menggalakkan pelajar mereka mendapatkan maklumat melalui internet, pelajar perlu diberikan peluang yang secukup-cukupnya untuk menggunakan ICT dalam pelajaran mereka, pensyarah perlu juga menggunakan komputer (dilengkapi dengan projektor LCD) dan memberikan tugas kepada pelajar yang membolehkan mengaplikasikan ICT dalam tugas yang pensyarah berikan.

Pensyarah patut melaksanakan kemahiran berfikir dalam pengajaran dalam pengajaran. Pelajar hendaklah diberikan peluang untuk memberikan pendapat semasa kuliah, menggalakkan pelajar menulis refleksi dan penggunaan bahan grafik yang pelbagai di samping sentiasa mengajarkan cara untuk menyelesaikan masalah.

Semasa mengajar pensyarah patut menerapkan nilai-nilai murni di kalangan pelajar seperti mewujudkan hubungan yang baik dengan pelajar. Pensyarah juga patut menggalakkan kerjasama dalam kumpulan, menjadi model contohan kepada pelajar, menerangkan kepentingan adab dan sopan dan sentiasa memberi motivasi kepada pelajar.

Dari segi penyoalan dalam pengajaran, pensyarah patut lebih krap menyoal pelajar tentang pelajaran yang telah disampaikan dan pada masa yang sama juga patut menggalakkan pelajar supaya banyak bertanya. Soalan-soalan yang dikemukakan hendaklah mencabar dan para pelajar hendaklah diberikan masa yang cukup untuk menjawab soalan yang diberikan.

Dalam pengajaran, pensyarah seharusnya dapat memberikan bimbingan yang mencukup kepada para pelajar. Dalam konteks ini, pensyarah perlu membimbing

pelajar secara terperinci dan sekiranya perlu, bersedia untuk memberikan pinjaman buku atau mencadangkan buku-buku yang berkaitan kepada pelajar.

Dalam pengajaran juga, pensyarah hendaklah menunjukkan sikap yang positif. Pensyarah seharusnya boleh ditemui pada bila-bila masa, menepati janji, menepati masa dan menunjukkan kesungguhan dalam pengajaran.

PENUTUP

Mutu profesyen perguruan perlu dipupuk dan dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Untuk mencapai hasrat itu, guru-guru pelatih harus dilengkapi dengan secukup-cukupnya dengan ilmu dan bimbingan yang perlu. Dalam konteks ini, pensyarah memainkan peranan penting sebagai peneraju dalam merealisasikan hasrat untuk melahirkan guru bertaraf dunia. Pada masa yang sama, pelajar juga harus lebih bersikap terbuka dalam mereka menyiapkan diri sebagai guru di institusi perguruan. Mereka juga patut sentiasa bersedia untuk bekerja gigih dan tidak hanya bergantung kepada pensyarah semata-mata.

BIBLIOGRAFI

- Argyris, C. (1976). Double Loop Learning <http://tip.psychology.org/argyris.html>
- Craig, Tuck. 1994. How do students in Grades 7 and 8 feel about their school life? <http://www.edu.gov.nf.ca/erp/reports/gradout/k12doc/5-1.htm>
- Felder, Richard (1999). Learning Styles vs Teaching Styles. <http://www.sosu.edu/cidt/briefs/tb1.htm>
- Funderstanding. 2001. About Learning. <http://www.funderstanding.com/theories.cfm>
- Gagne, R. (1985). The Conditions of Learning (4th ed.). New York: Holt, Rinehart & Winston. <http://tip.psychology.org/gagne.html>
- Kelly, Rob Roy. (2000) Students Teachers. http://www.rit.edu/~rkelly/html/03_ped/ped_stu1.html
- Kertas Kerja Sosiologi Pendidikan (MTT 3303) Sejarah Pendidikan di Malaysia. <http://sarjana.tripod.com/sejarah3.html>
- Laird, John E., 1994. Project Motivatio. <http://ai.eecs.umich.edu/cogarch5/index.html>
- Mok Soon Sang dan Lee Shok Mee, 1991. Pedagogi 3. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman.
- Nunley, Kathie F (2003) "Gaining Control in Your Classroom" dalam Layered Curriculum. Utah. <http://www.help4teachers.com/control.htm>
- Office of Institutional Effectiveness & Analysis, Florida Atlantic University. 2002. Student Perception of Teaching. <http://www.fau.edu/projects/spot/instructor.php>

Othman Ismail dan Muhammed Hafiz Hj Khozali, 1992. Statistik Permulaan Moden (terjemahan Freund, John E.,1979), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Rosli Mahmood, 2002. “Teknologi Sebagai Pengupaya Dalam Pelaksanaan Sekolah Bestari dan Pengurusan Pembelajaran Bestari.” Jurnal Akademik, Jilid 9, Januari 2002. Kota Baru: Maktab Perguruan Kota Baru.

Rutledge’s, Keith., 2000.”Social Learning Theory – notes on Ormond’s Psychology of Learning.” Journal of Psycholog. New York: Riley Publication.

Sekaran, Uma. 1992. Research Methods For Bussiness. New York: John Wiley & Sons.

Seymour, Elaine dan Gutwill, Joshua. (2000),“Student Perception of Learning Gains”
http://newtraditions.chem.wisc.edu/Flag/pages/Complete/ProcessTools/MC2Gains_srvy.htm - Top

Sharifah Izhar Syed Ahmad, 2002 Strategi Pelaksanaan Kursus Prasekolah.
http://members.tripod.com/~ip_ipda/unit_pra.htm

Siti Zohara bt Yassin, 1997. “Persepsi Terhadap Kompetensi Pensyarah Dalam Pengajaran: Satu Kajian di Sebuah Maktab Perguruan.” Tesis Sarjana Sains. Fakulti Sains Kognitif Dan Pembangunan Manusia, Universiti Malaysia Sarawak.

http://www.webcastmy.com.my/unimasresearchgateway/thesis/thesis_0010/index.htm

TRACE (Teaching Resources and Continuing Education) 2002. Motivating Students: Creating an Inspiring Environment. Ontario: University of Waterloo.
<http://www.adm.uwaterloo.ca/infotrac/motivating.html>

Wilson, Leslie dan Spears, Andrea., 2003. Overview of Brain-Based Learning. <http://www.designshare.com/Research/BrainBasedLearn98.htm>

WordNet (2001) Dictionary – perception
<http://define.ansme.com/words/p/perception.html>

Zimmerman, Mark. 2001. Dictionary Information: Definition Perception.
<http://www.selfknowledge.com/70236.htm>

LAMPIRAN

Jadual 1: Ujian Statistik Khi Kuasa-Dua Secara Keseluruhan.

	strategi	peng.bbm	peng.ict	kbkk	nilai.m	penyoal	bimb	sikap
Khi Kuasa Dua-	232.000	178.259	170.096	243.778	400.267	408.237	359.956	217.385
Kesignifikanan	.000	.000	.000	.000	.000	.000	.000	.000

Jadual 2: Hipotesis 1-Ujian Statistik Mann Whitney Semester Pelajar(Ambilan Januari 2001 dan Ambilan Januari 2002)

	strategi	Peng.bb m	Peng.ict	kbkk	nilai.m	penyoal	bimb	sikap
Mann-Whitney U	5830.50 0	5763.50 0	5873.50 0	5707.50 0	6410.50 0	6555.00 0	7614.50 0	5958.00 0
Z	-4.983	-5.099	-4.926	-5.203	-4.120	-3.891	-2.199	-4.799
Kesignifikanan	.000	.000	.000	.000	.000	.000	.028	.000

Jadual 3: Hipotesis 2-Ujian Mann-Whitney Jantina Pelajar dengan Pengajaran Pensyarah

	strategi	Peng.bb m	peng.ict	kbkk	nilai.m	penyoal	bimb	sikap
Mann-Whitney U	8713.00 0	7849.50 0	8260.00 0	7724.50 0	7866.50 0	8007.00 0	8778.00 0	7819.00 0
Kesignifikanan	.574	.055	.203	.034	.056	.091	.642	.049

Jadual 4:Hipotesis 3-Ujian Mann-Whitney lokasi sekolah yang pernah pelajar hadiri dengan Pengajaran Pensyarah

	strategi	peng.bb m	peng.ict	kbkk	nilai.m	penyoal	bimb	sikap
Mann-Whitney U	8798.00 0	8996.00 0	7908.00 0	8044.00 0	8603.00 0	8802.00 0	8836.00 0	9038.50 0
Kesignifikanan	.658	.895	.066	.103	.449	.659	.699	.947

Jadual 5:Hipotesis 4-Ujian Kruskal Wallis opsyen pelajar dengan Pengajaran Pensyarah

	strategi	peng.bb m	peng.ict	kbkk	nilai.m	penyoal	bimb	sikap
Chi-Square	13.965	19.387	16.167	6.639	9.796	16.545	20.554	8.041
Kesignifikanan	.001	.000	.000	.036	.007	.000	.000	.018

Jadual 6: Hipotesis 5-Ujian Mann-Whitney kelayakan memasuki kursus perguruan pelajar dengan Pengajaran Pensyarah

	strategi	peng.bb m	peng.ict	kbkk	nilai.m	penyoal	bimb	sikap
Mann-Whitney U	4045.00 0	4213.00 0	3426.00 0	3772.00 0	3973.50 0	4198.00 0	4178.00 0	4022.50 0
Kesignifikanan	.415	.661	.027	.151	.323	.633	.602	.385

Jadual 7: Hipotesis 6-Ujian Mann-Whitney kelayakan memasuki kursus perguruan pelajar dengan Pengajaran Pensyarah

	strategi	peng.bb m	peng.ict	kbkk	nilai.m	penyoal	bimb	sikap
Mann-Whitney U	7210.50 0	7556.00 0	7531.50 0	7764.00 0	7587.50 0	8059.00 0	7727.50 0	7697.00 0
Kesignifikanan	.094	.266	.249	.441	.285	.775	.404	.379